

# Lelaki Bangladesh kaut untung RM2j palsukan dokumen diberkas

**PUTRAJAYA** – Kegiatan seorang lelaki warga asing mendalangi sindiket Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) sehingga mampu mengaut keuntungan lebih RM2 juta tidak berpanjangan apabila dia berjaya dicekup Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Rabu lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud berkata, suspek warga Bangladesh berusia 35 tahun berstatus pemastautin Tetap (MyPR) itu ditahan bersama tiga lagi lelaki Bangladesh dan dua wanita tempatan.

“Kesemua mereka yang berusia 36 hingga 52 tahun itu ditahan dalam serbuan di dua premis, masing-masing di Jalan Lumut, Kuala Lumpur dan Pandan Cahaya, Ampang di Selangor.

“Dalam serbuan pertama di Jalan Lumut itu, kami berjaya menahan suspek utama yang juga merupakan dalang sindiket itu bersama isterinya warga tempatan dan seorang pekerja warga Bangladesh,” katanya semalam.

Menurutnya, dalam serbuan kedua di Pandan Cahaya, tiga ditahan masing-masing lelaki warga Bangladesh bersama is-



**KHAIRUL DZAIMEE menunjukkan antara barangan yang dirampas dalam dua serbuan di Ibu Pejabat JIM, Putrajaya semalam.**

teri rakyat tempatan dan seorang pekerja warga Bangladesh.

Kata beliau, pihaknya merampas 488 naskah pasport antarabangsa, 12 cap syarikat, dua set komputer dan wang tunai RM38,308.

“Sindiket ini berselindung di sebalik syarikat pembinaan serta agensi pekerjaan haram dan mengenakan bayaran antara

RM3,500 hingga RM4,200 bagi setiap permohonan RTK.

“JIM tidak pernah melantik mana-mana individu atau agensi dalam urusan RTK,” tegas beliau.

Katanya, siasatan mendapati, dalang sindiket mula masuk Malaysia sebagai pekerja asing pada 2010 sebelum berkahwin dengan wanita tempatan dan memperoleh MyPR pada 2015.